



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-42

**PELAKSANAAN INISIATIF
BELANJAWAN 2021, PERMAI,
KITA PRIHATIN, PENJANA DAN PRIHATIN**

24 Februari 2021



PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Kita berjumpa lagi di sesi ulasan Laporan LAKSANA ke-42 ini. Saya harap semua di luar sana berada dalam keadaan yang selamat, sama ada di rumah, ataupun di tempat kerja bagi mereka yang masih dibenarkan untuk bertugas di pejabat. Dalam melazimi kehidupan seharian ketika menangani pandemik ini, ingin saya berpesan agar terus disiplin dalam meningkatkan kawalan sendiri.
2. Laporan ini akan didahului dengan ulasan tentang isu semasa, dan diikuti dengan status pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama Kerajaan iaitu Pakej Bantuan PERMAI, Belanjawan 2021, Pakej Ransangan Ekonomi PENJANA, dan Pakej KITA PRIHATIN. Status pelaksanaan inisiatif Pakej PRIHATIN yang masih berlangsung boleh disemak di Lampiran 1.

A. PELAN IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

3. Minggu lepas menyaksikan pelbagai detik bersejarah bagi negara kita. Saat yang paling ditunggu-tunggu sudah pastinya ketibaan kumpulan pertama bekalan vaksin COVID-19 ke tanah air. Ketibaan ini menandakan bermulanya Fasa 1 Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK) di mana 500,000 petugas barisan hadapan akan divaksinasi menjelang April tahun ini. Kerajaan juga mensasarkan 80% atau 27 juta penduduk Malaysia akan divaksinasi menjelang suku pertama 2022 bagi mencapai imuniti kelompok.
4. Pemulihan ekonomi juga tentunya akan menyusul bersama dengan pemulihan kesihatan awam. Bank Dunia telah mengumumkan unjuran pertumbuhan ekonomi

Malaysia antara 5.6 - 6.7% bagi tahun 2021 berikutan pelancaran program vaksinasi COVID-19 secara global. Ini sejajar dengan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar 4%.

5. Dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kita sendiri yang bermula pada 24 Februari 2021, rancangan pemulihan ekonomi kita berada di landasan yang tepat. Banyak sektor ekonomi yang menanti pembukaan sempadan bukan sahaja dalam negara malah ke luar negara, seperti sektor pelancongan dan peruncitan. Bagi mereka dari sektor pelancongan, manfaatkanlah peruntukan **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19.

B. MYDIGITAL DAN RANGKA TINDAKAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

6. COVID-19 telah memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi dunia, dan Malaysia tidak terkecuali dari menerima tempiasnya. Cabaran kita sekarang ialah untuk bangkit semula dan kerana itulah inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin sangat tepat pada masanya.
7. MyDigital merupakan suatu pelan hala tuju transformasi digital yang mampu mengupayakan sektor perniagaan untuk bersaing di pentas global dengan memantapkan kelancaran dan kecekapan operasi mereka. Dalam usaha kita melonjakkan status ekonomi negara, ekonomi digital memainkan peranan yang besar di mana menjelang tahun 2025, ekonomi digital dijangka akan menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Inisiatif ini juga bakal menjadi titik tolak untuk menarik pelaburan baharu dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negara. Pelan ini juga mensasarkan untuk membuka 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital.
8. Belanjawan 2021 turut memberi penekanan kepada industri digital melalui pelbagai inisiatif termasuk:
 - a. **Pertama, sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).** Setakat ini, **RM40.5 juta** telah disalurkan kepada **8,580 perniagaan** dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.
 - b. **Kedua,** Kerajaan akan memperuntukkan RM500 juta ringgit bagi tahun 2021 untuk melaksanakan inisiatif Jalinan Digital Negara, JENDELA, bertujuan memastikan kesalinghubungan sejumlah 430 buah sekolah di seluruh Malaysia meliputi semua negeri.
 - c. **Ketiga,** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telahpun memperuntukkan RM7.4 bilion untuk tahun 2021 dan 2022 bagi memperluas perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara.
 - d. **Keempat,** RM150 juta bagi Kempen e-Dagang PKS dan PKS Mikro, yang merangkum program latihan, bantuan penjualan dan peralatan digital kepada 100,000 usahawan tempatan.

- e. **Kelima**, RM150 juta bagi inisiatif Shop Malaysia Online melalui usahasama dengan platform e-dagang utama untuk menggalakkan perbelanjaan secara dalam talian yang akan turut memanfaatkan 500,000 usahawan tempatan termasuk pengusaha produk halal dan kraf tangan.
- f. **Keenam**, Kerajaan melalui BPMB akan melaksanakan Skim Transformasi Pendigitalan Industri bernilai RM1 bilion bertujuan untuk merancakkan aktiviti pendigitalan dengan ketersediaan dana sehingga 31 Disember 2023.
- g. **Ketujuh**, bagi menyokong aktiviti automasi dan modenisasi, dana tambahan berjumlah RM150 juta ringgit disediakan di bawah Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi. Syarat kelayakan geran ini turut dilonggarkan kepada PKS Mikro dan syarikat pemula yang telah beroperasi selama enam bulan.
- h. **Kelapan**, Kerajaan juga berusaha untuk menambahbaik perkhidmatan Kerajaan menerusi pendigitalan. Ini termasuk memperluaskan penggunaan kiosk Jabatan Pengangkutan Jalan untuk beberapa perkhidmatan utama seperti pembaharuan lesen kenderaan bermotor. Kiosk akan diletakkan di 50 lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan walaupun di luar waktu bekerja.

Memandang ke hadapan, dengan pelancaran MyDigital, Kerajaan akan memantapkan lagi usaha untuk membantu rakyat dan peniaga PKS melalui pelbagai inisiatif pendigitalan.

C. DASAR PERPADUAN NEGARA

- 9. Satu lagi inisiatif utama yang dilancarkan Kerajaan ialah Dasar Perpaduan Negara (DPN). Tiga objektif utama DPN ialah mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.
- 10. Apa yang menarik perhatian saya ialah empat Pemboleh Daya Perpaduan yang telah dikenalpasti, iaitu:
 - i. Usaha meningkatkan peluang ekonomi yang saksama.
 - ii. Memperkasa kumpulan minoriti dan rentan ekonomi.
 - iii. Mengukuhkan jaringan perlindungan sosial serta memperkasa inovasi sosial.
 - iv. Merapatkan jurang pembangunan dan kebolehcapaian antara negeri dan wilayah.
- 11. Kesemua aspek juga diberi keutamaan di dalam Belanjawan 2021, terutamanya di dalam menyokong pencapaian Visi Kemakmuran Bersama 2030. Sebagai contoh, melalui Matlamat Pertama: Kesejahteraan Rakyat - Strategi 2 Belanjawan 2021 iaitu Memelihara Kebajikan Golongan Rentan, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan bulanan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Warga Emas, Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar, Kadar Elaun Pekerja OKU serta Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion iaitu tambahan

sebanyak RM700 juta berbanding Belanjawan 2020, dan akan memanfaatkan lebih daripada 400,000 penerima.

D. BELANJAWAN 2021 & PERMAI: PELAN PEMULIHAN & PEMACU EKONOMI NEGARA

MATLAMAT 1: Kesejahteraan Rakyat

Bantuan PERMAI One-Off kepada Pemandu Teksi dan Bas

12. Minggu ini juga membawa berita gembira buat 110,000 pemandu *e-hailing*, teksi, bas sekolah dan bas persiaran di mana mereka telah mula menerima bantuan PERMAI bernilai RM500 setiap seorang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM55 juta. Bantuan ini mula dibayar pada 23 Februari lepas.

Bantuan PRIHATIN Rakyat (BPR)

13. YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Pakej Bantuan PERMAI juga telah memberi komitmen supaya pembayaran Fasa 1 BPR dibuat pada penghujung Februari 2021. Segala kata mestilah dikota; bagi pembayaran Fasa 1 BPR, 8.45 juta penerima telah mula menerima bayaran melibatkan peruntukan berjumlah RM1.93 bilion pada 24 Februari.

PenjanaKerjaya Kebangsaan

14. Dari segi menjana pekerjaan pula, bagi anda yang mencari kerja, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melancarkan Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 secara maya melalui aplikasi Cisco Webex. Karnival maya ini berlangsung dari 23 hingga 26 Februari 2021, dari 9 pagi hingga 5 petang. Selain dari sesi temuduga oleh majikan pebagai sektor, karnival ini menyediakan sesi webinar kerjaya untuk membantu anda dalam persediaan mencari kerja. Ini adalah sebahagian dari inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Peserta-peserta yang berminat boleh mendaftar melalui pautan <https://careerfair.perkeso.gov.my>.
15. Jangan lupa juga untuk layari portal MyFutureJobs <https://www.myfuturejobs.gov.my> yang merupakan pusat hentian setempat dan rujukan utama bagi inisiatif berkaitan pekerjaan.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

Saudara dan saudari sekalian,

16. Sekarang saya akan ke ulasan Pakej PENJANA setakat **12 Februari 2021**. Pakej ini berpaksikan tiga matlamat iaitu **Memperkasakan Rakyat, Melonjakkan Perniagaan, dan Merangsang Ekonomi**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

17. **Pertama**, menyentuh tentang Matlamat Memperkasakan Rakyat, **Program Subsidi Upah Fasa Pertama (PSU 1.0)** masih berjalan. Program ini telah mencapai nilai penyaluran **RM12.763 bilion** untuk **322,177 majikan** dan **2.64 juta pekerja** yang didaftarkan. Saya akan sentuh tentang PSU 2.0 selanjutnya di laporan ini.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
12 Februari	12.763**	2.640	322,177
5 Februari	12.763**	2.640	322,177
29 Januari	12.757**	2.640	322,177
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

18. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Seramai **130,871 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Butirannya adalah seperti berikut:

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
12 Februari	105,250	17,591	7,536	494	130,871
5 Februari	105,250	17,591	7,536	494**	130,871
29 Januari	105,160	17,586	7,534	548	130,828
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

19. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Terdapat peningkatan dari segi individu yang dapat mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan kepada **135,751 peserta** (peningkatan sebanyak 2,450 daripada 133,301 individu pada minggu sebelumnya). Pautan Kementerian Kewangan ada menyenaraikan kursus-kursus yang mendapat permintaan, manakala mereka yang berminat boleh melayari laman web agensi-agensi Kerajaan terlibat untuk mendapatkan maklumat berkaitan

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>

		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)	<i>ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

20. **Keempat, subsidi pengangkutan awam MY30** yang sudah dilanjutkan kepada tahun 2021. Sejumlah **751,414 pas bulanan perjalanan tanpa had** ini telah dijual, dan melibatkan subsidi sebanyak RM127.74 juta. Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan sedang mempromosikan pas My30 ini dengan inisiatif “beli satu percuma satu” sehingga bulan Mac ini. Saya harap penambahbaikan ini akan terus membantu dari segi kos pengangkutan awam bagi Rakyat Malaysia.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari sekalian,

21. Sekarang kita terus ke Matlamat kedua iaitu Melonjakkan Perniagaan.
22. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sebanyak **6,731 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.259 bilion**

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
12 Februari	6,731	1,258.5
5 Februari	6,613	1,244.7
29 Januari	6,507	1,231.4
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

23. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA.** Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS Mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Terdapat **579 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **282 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM57.1 juta**.
24. **Ketiga, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sebanyak **RM363.4 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **10,774 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
12 Februari	10,774	363.4
5 Februari	10,774	363.4
29 Januari	10,037	340.0
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

25. **Keempat, Bumiputera Relief Financing (BRF)** yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) dengan dana RM200 juta, di mana **572 PKS** telah menerima dana sebanyak **RM161.7 juta** (berbanding 548 PKS yang telah menerima dana berjumlah RM153.0 juta pada minggu sebelumnya).

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang saya hormati,

26. Kita kupas matlamat ketiga PENJANA iaitu **Merangsang Ekonomi**.

27. Untuk **Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan**, antara peruntukan yang disediakan adalah sejumlah RM100 juta dalam bentuk pinjaman dengan faedah 3.5% dan RM30 juta geran untuk industri kreatif, acara dan pameran di bawah MyCreative Ventures; manakala RM10 juta adalah di bawah CENDANA. Sebanyak **221 permohonan** telah diterima bagi **MyCreative Ventures bernilai RM104.5 juta** dan daripada jumlah itu, **35 permohonan** daripada jumlah itu telah diluluskan dengan nilai **RM13.6 juta**.
28. Bagi inisiatif **CENDANA** pula, sebanyak **RM1.6 juta** telah disalurkan kepada **317 penerima** (berbanding RM1.1 juta untuk 246 penerima pada minggu sebelumnya). Penerima terdiri daripada kalangan seniman, kolektif dan organisasi yang terlibat aktif dalam sektor seni dan budaya Malaysia. Para penggiat industri kreatif adalah disaran untuk menggunakan peluang kemudahan yang disediakan ini dalam menghasilkan karya-karya mereka. Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari kedua agensi berkaitan dengan melayari www.mycreative.com.my/penjana dan www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

Saudara dan saudari sekalian,

29. Di bawah pakej **KITA PRIHATIN**, bagi **Program Subsidi Upah Fasa Dua (PSU2.0)** sejumlah **RM770.31 juta** telah disalurkan kepada **65,398** majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **534,183** pekerja. Seperti yang dinyatakan semasa Belanjawan 2021, PSU bersasar juga diperkenalkan bagi membantu sektor pelancongan dan peruncitan, manakala kesemua sektor yang terkesan oleh pelaksanaan PKP tahun ini adalah layak untuk menerima sokongan PSU 3.0 di bawah Pakej Bantuan PERMAI.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
12 Februari	770.31	534,183	65,398
5 Februari	770.31	534,183	65,398
29 Januari	741.16	518,793	64,345
25 Disember	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203

*Jumlah Kumulatif

PENUTUP

30. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengingatkan semua agar terus mengikuti SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Pemulihan ekonomi

sebahagiannya disandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.

Dalam pada itu, Kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

**Disimpan cermat tidak tersayat,
Tenunan puteri selembap pua;
Vaksin selamat diguna Rakyat,
Lindung diri lindung semua.**

31. Sekian, jaga diri dan *stay safe*. Terima kasih.

**YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
24 Februari 2021**

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 12 Februari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM17.67 bilion dan melibatkan 5.15 juta penerima (berbanding RM16.96 dan melibatkan 5.12 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 12 Februari 2021, sebanyak RM484.85 juta telah disalurkan berdasarkan 1,453,454 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN				
3.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 12 Februari 2021 , jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.63 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,628 PKS . Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF).		
		Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
		12 Februari	11.63	24,628
		5 Februari	11.63	24,628
		29 Januari	11.60	24,613
		22 Januari	11.60	24,590
		15 Januari	11.58	24,564
		8 Januari	11.58	24,564
		1 Januari	11.54	24,519
		25 Disember	11.29	24,012

		27 November	11.13	23,711
		30 Oktober	10.87	23,305
		25 September	10.67	22,984
		28 Ogos	10.3	22,440
		Julai	9.6	21,410
		Jun	8.4	19,539
		Mei	6.9	16,833
		April	1.5	3,636

**Jumlah Kumulatif*

Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti **ADF**, **AES** dan **AF**. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui **platform imSME** di pautan <https://imsme.com.my/portal/bm/> yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.

LAMPIRAN 2 - PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN			
1.	Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRs) khas untuk PKS Mikro	Dana RM100 juta ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan 14,946 PKS Mikro	
2.	Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).	Setakat ini, RM40.5 juta telah disalurkan kepada 8,580 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.	
		Tarikh Setakat	Permohonan Disalurkan
		12 Februari	8,580
		5 Februari	8,577
		29 Januari	8,576
		25 Disember	5,691
		27 November	3,274
		30 Oktober	1,134
		25 September	439
		*Jumlah kumulatif	

MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI		
3.	Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan	Pembiayaan bernilai RM400 juta telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Sebanyak RM85.1 juta telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan 7,723 PKS Mikro pertanian . Jaminan makanan (food security) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021.
4.	Pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi	Merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak RM593.9 juta .
5.	Pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel	Khusus untuk menyokong sektor pelancongan sehingga 30 Jun 2021. Nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah nilai RM1.37 bilion . Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya.

6.	Pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang	Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah RM233.0 juta . Seperti yang dimaklumkan, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun 2021 , sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara.
----	--	---